# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

**Berkenaan NCIA**

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) adalah pihak berkuasa pembangunan wilayah yang bertanggungjawab untuk merangka hala tuju, dasar dan strategi berkaitan program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Diperbadankan pada Jun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksana Koridor Utara 2008 (Akta 687), mandat utama NCIA adalah untuk mempromosikan dan mempercepat pembangunan NCER menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan untuk pelaburan, pekerjaan dan kediaman. NCIA akan terus memacu pertumbuhan NCER ke arah menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia dengan memangkin dan melaksanakan program pembangunan bernilai tambah tinggi dalam tiga sektor utama iaitu Pembuatan; Pertanian & Industri Bio dan Perkhidmatan. Subsektor kepada Perkhidmatan adalah Pelancongan; Logistik serta Kebolehubungan; dan Perkhidmatan Perniagaan Global.

## KENYATAAN TAWARAN TENDER

| | |
|---|---|
| **NOMBOR TENDER** | **NCIA/2024/011/0019** |
| **TAJUK TENDER** | ***CONSTRUCTION AND COMPLETION OF PEMBANGUNAN DATARAN BUKIT KAYU HITAM, KEDAH FOR THE NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY (NCIA)*** |
| **SYARAT** | **Pendaftaran peraturan berkanun:**<br>Tender adalah dipelawa kepada Syarikat yang berdaftar dengan SEMUA kategori seperti berikut:<br><br>CIDB: Gred G5<br>Kod: B04<br>Keterangan: *Kerja-kerja Pembinaan Bangunan*<br>Kod: CE21<br>Keterangan: *Pembinaan Kejuruteraan Awam* |
| **MAKLUMAT TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK** | **Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah WAJIB**<br><br>**Taklimat Tender**<br>Tarikh: 30 September 2024<br>Masa: 11.30 Pagi<br>Tempat: Auditorium, NCIA<br>No.1114, Jln Perindustrian Bukit Minyak 18, Penang Science Park, 14100 Simpang Ampat, P. Pinang<br><br>**Lawatan Tapak**<br>Tarikh: 1 Oktober 2024<br>Masa: 2.00 Petang<br>Tempat: Kompleks Darul Qiyam, Bukit Kayu Hitam, Kedah<br>GC4F+22 Bukit Kayu Hitam, Kedah |
| **HARGA TENDER, CARA PEMBAYARAN DAN BAYARAN KEPADA** | **Setiap dokumen berharga RM1,000.00 (Tidak dikembalikan)**<br><br>Bayar Kepada: PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA<br>Butiran akaun: Akan dimakumkan selepas Sesi Taklimat Tender<br>Rujukan: NCIA/2024/011/0019 |

*** Petender dikehendaki untuk berurusan dengan pihak Urusetia Tender NCIA bagi memaklumkan kehadiran taklimat tender.**

PROCUREMENT • NCIA •

**Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang memenuhi syarat-syarat berikut dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini:**

1. Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Untuk tujuan ini, Petender perlu membuat pendaftaran di Pendaftaran Tender NCIA atau melalui pautan kod QR yang disertakan di bawah.

2. Petender yang telah mendaftar akan menerima pengesahan pendaftaran melalui e-mel yang telah didaftarkan beserta pautan untuk membolehkan Petender memuatnaik dokumen semasa proses tender. Terdapat tiga (3) set fail yang perlu dikemaskini iaitu:

   ***i. Briefing Folder***
   - **a.** Sijil CIDB yang disahkan (berdasarkan perdaftaran gred dan kategori yang berkaitan)
   - **b.** Sijil Pendaftaran Syarikat dikeluarkan oleh Companies Commission of Malaysia (CCM) dan Borang 49 oleh Akta Syarikat 1965 atau Syeksen 58 oleh Akta Syarikat 2016
   - **c.** Dokumen Pengenalan Diri bagi Wakil Syarikat (Kad Pengenalan)
   - **d.** Surat Kebenaran Wakil Syarikat yang ditandatangani oleh Pengarah Syarikat

   ***ii. Payment Folder***
   - **a.** Untuk Pembelian Tender, Resit Bayaran kepada akaun NCIA seperti di atas perlu dimuat naik sebagai bukti pembayaran.
   - **b.** Resit perlu dengan jelas menunjukkan nama atau Wakil Syarikat beserta Nombor Rujukan Tender.

   ***iii. Submission Folder***
   - **a.** Berlaku sekiranya penghantaran Dokumen Tender secara atas talian diperlukan sekiranya terdapat arahan seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender (ITB).

3. **Hanya Petender yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan (dikehendaki mengemukakan Salinan Asal atau Salinan Sah Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB (di bawah kategori yang berkaitan) yang ditetapkan akan dijemput untuk menyertai Taklimat Tender dan pembelian dokumen tender.**

4. **DOKUMEN TENDER (ITB) AKAN MULA DIJUAL PADA 2 OKTOBER 2024 (RABU) SEHINGGA 16 OKTOBER 2024 (RABU).**

5. **Petender boleh melayari iklan tender di laman sesawang www.ncer.com.my**

6. **Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui e-mel ke: tender.secretary@ncer.com.my.**

7. Dokumen Tender yang telah dilengkapi dan ditandatangani oleh pemohon perlu dikemukakan dalam sampul bertutup serta berlabel tajuk dan nombor tender di bahagian kiri sampul surat dan dimasukkan kedalam Peti Tender di alamat seperti di bawah, **sebelum jam 12 tengahari, pada 23 Oktober 2024 (RABU).**

**Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)**
No.1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18
Penang Science Park,
14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang
**Tel:** +604 - 502 0708 **Fax:** +604 - 502 0194

Sampul tersebut perlu dilabelkan seperti di bawah:

***CONSTRUCTION AND COMPLETION OF PEMBANGUNAN DATARAN BUKIT KAYU HITAM, KEDAH FOR THE NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY (NCIA)***
**NCIA/2024/011/0019**

PROCUREMENT
NCIA